

BAHAGIAN A
DASAR PENGAMBILAN PELAJAR

BIL	DASAR	PERNYATAAN	TANGGUNGJAWAB
1.	Pengambilan / Kemasukan	1.1 Pengambilan / Kemasukan Pelajar dibuat pada Semester 1 dianggap sebagai "Kemasukan Perdana". 1.2 Pengambilan / Kemasukan pelajar di luar daripada Kemasukan Perdana boleh dibuat dengan kebenaran universiti.	BPA/JHEPA/FAKULTI -
2.	Penyelarasian Pengambilan Pelajar	2.1 Kemasukan Perdana Akan diproses oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP), Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) dan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Bersama di bawah kelolaan BPKP, JPT. 2.2 Kemasukan Lain Diuruskan sepenuhnya oleh universiti.	BPA -
3.	Permohonan	3.1 Kemasukan Perdana Calon wajib mengemukakan permohonan kemasukan melalui UPU sahaja. 3.2 Kemasukan Lain Permohonan yang dibuat selain kemasukan Kemasukan Perdana perlu dikemukakan terus kepada Universiti.	BPA/PTMK BPA/JHEAA

BIL	DASAR	PERNYATAAN	TANGGUNGJAWAB
4.	Syarat Permohonan	4.1 Terbuka kepada warganegara Malaysia dan Bukan Warganegara Malaysia. 4.2 Kelulusan bagi pemohon Bukan Warganegara Malaysia adalah tertakluk kepada kelulusan Universiti.	BPA BPA/TNC (A & A)
5.	Kategori Pemohon	5.1 Program Sarjana Muda <ul style="list-style-type: none"> i) Lepasan Matrikulasi/Setaraf ii) Lepasan STPM iii) Lepasan STAM iv) Lepasan Diploma v) Kelayakan lain yang diperakukan oleh Senat. 5.2 Program Diploma <ul style="list-style-type: none"> i) Lepasan SPM ii) Lepasan Sijil yang diiktiraf Senat iii) Kelayakan lain yang diperakukan oleh Senat. 	BPA/FAKULTI BPA/FAKULTI BPA/FAKULTI BPA/FAKULTI BPA/FAKULTI BPA/FAKULTI
6.	Keutamaan Kriteria Pemilihan	6.1 Pencapaian akademik yang baik 6.2 Pencapaian dalam aktiviti kokurikulum; 6.3 Kombinasi mata pelajaran yang dimiliki bersesuaian dengan program dipohon; 6.4 Gred mata pelajaran untuk tujuan pengkhususan; 6.5 Memenuhi syarat khas program yang ditetapkan mengikut program yang dipohon. 6.6 Program pengajian pilihan pemohon mengikut keutamaan;	FAKULTI PUSAT KOKURIKULUM BPA/FAKULTI BPA/FAKULTI/PPA TNC A & A/BPA/FAKULTI BPA

BIL	DASAR	PERNYATAAN	TANGGUNGJAWAB
		6.7 Bilangan tempat yang disediakan. 6.8 Proses temuduga (Jika Perlu)	TNC A & A/JHEPA/BPA/FAKULTI TNC A & A/FAKULTI/BPA
7.	Kelulusan Bahasa Melayu di peringkat SPM	Bagi pemohon Warganegara yang tidak mendapat kredit bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM, dengan kelulusan Senat mereka boleh mengambil SPM (Ulangan) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu pada bila-bila masa sebelum pengijazahan sepanjang pengajian	FAKULTI / PELAJAR
8.	Malaysian University English Test (MUET)	Semua pemohon warganegara wajib menduduki peperiksaan MUET sekurang-kurangnya mencapai Tahap 1 (Band 1).	FAKULTI/BPA
9.	Program Pengajian Baru	Semua program pengajian yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus bagi tahun semasa dibenarkan untuk ditawarkan bagi Sesi Akademik seterusnya.	BPKP JPT/BPA
10.	Permohonan Yang Tidak Dipertimbangkan	Pemohon yang tidak memenuhi syarat-syarat permohonan yang telah ditetapkan.	FAKULTI/BPA
11.	Tarikh Pendaftaran	Tarikh pendaftaran bagi kemasukan ke Universiti adalah bergantung kepada kelulusan Senat.	TNC A & A/PENDAFTAR
12.	Pertukaran Program Antara Fakulti	Universiti tidak membenarkan sebarang pertukaran program pengajian secara dalaman.	FAKULTI/BPA
13.	Rayuan	Permohonan rayuan adalah untuk calon yang tidak mendapat mana mana tawaran daripada IPTA dan tertakluk kepada kekosongan tempat yang ada.	BPKP JPT/BPA

BIL	DASAR	PERNYATAAN	TANGGUNGJAWAB
14.	Pengesahan Maklumat	<p>14.1 Semakan dan pengesahan maklumat/sijil calon dibuat semasa pendaftaran berdasarkan semakan sijil/dokumen asal calon.</p> <p>14.2 Jika terdapat sebarang pemalsuan maklumat/sijil ketika calon mengemukakan permohonan, pihak Universiti boleh membatalkan surat tawaran pengajian kepada calon atau diberhentikan daripada pengajian.</p>	<p>FAKULTI / BPA</p> <p>NC/TNC A & A/FAKULTI</p>
15.	Kerahsiaan Data	Semua pihak terlibat adalah tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi Kerajaan 1972.	IPTA

BAHAGIAN B
DASAR PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

i. DASAR PEMBANGUNAN DAN PENYEMAKAN KURIKULUM

BIL	DASAR	PERNYATAAN DASAR	TANGGUNGJAWAB
1.	Keperluan Pembangunan Program / Kurikulum	Setiap kurikulum yang hendak dibangunkan untuk setiap program hendaklah mendapat kelulusan Senat sebelum kurikulum tersebut dilaksanakan	Fakulti / BPA
2.	Asas Pembangunan Program / Kurikulum	Kurikulum yang hendak dibangunkan boleh dicadang oleh pihak fakulti atau pihak berkepentingan.	Fakulti
3.	Semakan Kurikulum	<p>3.1 Kurikulum program pengajian perlulah disemak secara berkala iaitu sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun pelaksanaan program pengajian</p> <p>3.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh meluluskan perubahan kurikulum program pengajian yang jumlah perubahan tidak melebihi 30% dari struktur kurikulum asal yang telah diluluskan oleh Senat. Pihak fakulti perlu memaklumkan Senat mengenai perubahan ini.</p> <p>3.3 Sebarang perubahan seterusnya secara kumulatif yang melebihi 30% perlu mendapat kelulusan Senat.</p> <p>3.4 Bagi semakan kursus-kursus wajib universiti, Jawatankuasa Akademik Fakulti tidak boleh membuat semakan kurikulum pengajian.</p>	JawatanKuasa Akademik Fakulti

ii. DASAR PELAKSANAAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

BIL	DASAR	PERNYATAAN DASAR	TANGGUNGJAWAB
1.	Tugasan Pengajaran	Setiap pensyarah perlu diberi tugas pengajaran.	Dekan Fakulti
2.	E-Pembelajaran	Setiap pensyarah hendaklah mengaplikasikan E-Pembelajaran pada kadar 10% hingga 30% daripada jumlah keseluruhan masa pengajaran bagi sesuatu kursus.	Pensyarah
3.	Bahasa Pengajaran & Pembelajaran	Bahasa pengajaran & pembelajaran adalah Bahasa Inggeris	Pensyarah
4.	Skim Penilaian	<p>4.1 Peperiksaan akhir adalah pentaksiran terakhir yang komprehensif yang dijalankan dalam tempoh peperiksaan akhir dengan kaedah yang ditetapkan Senat.</p> <p>4.2 Penilaian bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir, wajaran kerja kursus hendaklah tidak melebihi 60% dari markah keseluruhan, manakala wajaran peperiksaan akhir hendaklah tidak kurang 40%.</p> <p>4.3 Bagi kursus-kursus yang mempunyai jam kredit 1 hingga 2 jam, tempoh masa peperiksaan akhir adalah tidak melebihi 2 jam. Manakala kursus-kursus yang mempunyai jam kredit 3 jam dan ke atas, tempoh masa peperiksaan akhir pula adalah tidak melebihi 3 jam.</p>	Pensyarah
5.	Kehadiran	Pelajar mesti menghadiri sekurang-kurangnya 80 % semua kelas yang ditetapkan bagi sesuatu kursus. Kehadiran kurang daripada 80 % boleh menyebabkan pelajar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan akhir.	Pensyarah / Pelajar

BIL	DASAR	PERNYATAAN DASAR	TANGGUNGJAWAB
6.	Bahasa Soalan Peperiksaan	Soalan pentaksiran hendaklah disediakan dengan menggunakan bahasa pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan bahasa lain hendaklah mendapat kelulusan Senat.	Jawatankuasa Akademik Universiti
7.	Pengesahan Penilaian Pelajar	Senat bertanggungjawab mengesahkan penilaian pelajar berdasarkan kepada Kedudukan Akademik dan Kelas Penganugerahan.	Senat
8.	Penahanan Keputusan Peperiksaan	Keputusan penilaian pelajar yang masih berhutang dengan Universiti akan ditahan sehingga hutangnya dijelaskan.	Bahagian Penerimaan & Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari
9.	Penyimpanan Skrip Penaksiran	Skrip penaksiran pelajar hendaklah disimpan sehingga 5 tahun selepas pelajar tamat pengajian.	Pensyarah
10.	Kerahsiaan Data	Semua pihak yang terlibat adalah tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi Kerajaan 1972.	Semua

iii. DASAR PERLANTIKAN LEMBAGA PENGAJIAN DAN PEMERIKSA LUAR

BIL	DASAR	PERNYATAAN DASAR	TANGGUNGJAWAB
1.	Keperluan	<p>A) Lembaga Pengajian</p> <p>1.1 Lembaga Pengajian diwujudkan untuk memastikan bahawa sesuatu program pengajian yang dijalankan mencapai standard yang ditentukan Pihak Berkuasa Melulus dan badan-badan profesional (jika perlu)</p> <p>1.2 Setiap program yang hendak dijalankan atau sedang dijalankan perlu mempunyai satu Lembaga Pengajian</p> <p>1.3 Fakulti boleh, dengan persetujuan Senat universiti, mempunyai satu Lembaga Pengajian untuk beberapa program yang dijalankan.</p> <p>B) Pemeriksa Luar</p> <p>1.1 Pemeriksa Luar perlu diwujudkan untuk memastikan bahawa kualiti program pengajian yang dijalankan oleh fakulti sentiasa terjamin.</p> <p>1.2 Setiap program yang dijalankan di UMP mestilah mempunyai sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Luar.</p>	Dekan

BIL	DASAR	PERNYATAAN DASAR	TANGGUNGJAWAB
2.	Pelantikan /Tempoh Perkhidmatan	<p>A) Lembaga Pengajian</p> <p>2.1. Ahli Lembaga Pengajian hendaklah terdiri dari kalangan akademik dan profesional dalam bidang yang ada kaitan dengan program pengajian.</p> <p>2.2. Pelantikan ahli Lembaga Pengajian perlu mendapat persetujuan oleh Senat.</p> <p>B) Pemeriksa Luar</p> <p>2.1 Calon mestilah mempunyai kelulusan akademik yang tinggi dalam bidang yang bersesuaian serta pengalaman yang lama dalam pembangunan kurikulum serta diperakukan oleh Senat.</p>	<p style="text-align: center;">Dekan</p> <p style="text-align: center;">Dekan</p>

BAHAGIAN C
DASAR PENANGGUHAN PENGAJIAN

BIL	DASAR	PERNYATAAN DASAR	TANGGUNGJAWAB
1	Umum	Pelajar dibenarkan menangguhkan pengajian dengan alasan yang diterima oleh pihak Universiti	FAKULTI/TNC A & A/BPA
2	Tangguh Atas Sebab Peribadi	Pelajar boleh memohon untuk menangguhkan pengajian atas sebab selain daripada sebab kesihatan. Bagaimanapun, jika diluluskan oleh Universiti, tempoh masa yang tertangguh itu akan diambilkira dalam pengiraan bilangan semester yang digunakan.	FAKULTI/TNC A & A/BPA
3	Tangguh Atas Sebab Kesihatan	Pelajar boleh memohon untuk menangguhkan pengajian atas sebab kesihatan dengan mengemukakan sokongan atau pengesahan daripada Pegawai Perubatan Universiti atau Pegawai Perubatan hospital Kerajaan. Tempoh masa yang tertangguh itu tidak akan diambilkira dalam pengiraan bilangan semester yang digunakan.	FAKULTI/TNC A & A/BPA/JHEPA (KLINIK)
4	Tempoh Penangguhan	4.1 Tempoh maksimum penangguhan sepanjang pengajian adalah 4 semester. 4.2 Tempoh penangguhan secara berturut-turut bagi satu-satu permohonan adalah 2 semester. 4.3 Bagi kes-kes tertentu, permohonan penangguhan pengajian perlu dirujuk kepada Senat.	FAKULTI/TNC A & A/BPA/

BIL	DASAR	PERNYATAAN DASAR	TANGGUNGJAWAB
5	Kemudahan Universiti	Pelajar yang telah diluluskan penangguhan pengajian oleh pihak universiti tidak layak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan untuk pelajar lain.	FAKULTI/TNC A & A/BPA/JHEPA
6	Yuran Pengajian	Penangguhan pengajian selepas minggu ketujuh (bagi alasan kesihatan), yuran pengajian tidak akan dikembalikan kecuali dengan kelulusan Naib Canselor.	BENDAHARI
7	Permohonan Selepas Tamat Tempoh	Permohonan untuk menangguhkan pengajian selepas minggu ketujuh hanya dibenarkan atas alasan kesihatan dengan diperakui oleh Pegawai Perubatan Universiti dan Hospital Kerajaan	FAKULTI/TNC A & A/BPA/JHEPA (KLINIK)

BAHAGIAN D
DASAR PENGAJIAN SISWAZAH

BIL	DASAR	PERNYATAAN DASAR	TANGGUNGJAWAB
1	Mod Pengajian	<p>1.1 Program pengajian siswazah terdiri daripada program secara penyelidikan, kerja kursus dan mod campuran.</p> <p>1.2 Bagi meningkatkan manfaat pengajian siswazah di peringkat kedoktoral, Universiti akan turut menawarkan ijazah Kedoktoral Profesional di samping ijazah Doktor Falsafah (PhD).</p> <p>1.3 Pemastautinan pelajar dalam pengajian siswazah adalah tertakluk kepada tempoh minimum dan tempoh maksimum sesuatu tempoh calon berdaftar dengan UMP.</p>	PPS
2	Pengambilan Pelajar	<p>2.1 Kelayakan minimum untuk mengikuti Ijazah Sarjana ialah Ijazah Sarjana Muda setaraf dengan kepujian serta mendapat CGPA sekurang kurangnya 2.75. Calon pelajar digalakkan mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan. Calon yang mendapat CGPA kurang dari 2.75 tetapi mempunyai pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan boleh dipertimbangkan untuk dikecualikan dari syarat ini.</p> <p>2.2 Bagi calon pelajar yang mendapat kelulusan CGPA kurang dari 2.75 perlu dirujuk kepada Senat untuk dipertimbangkan.</p> <p>2.3 Kelayakan minimum untuk mengikuti ijazah kedoktoral adalah Ijazah Sarjana bersesuaian. Calon yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama, boleh dipertimbangkan untuk kemasukan ke Program Kedoktoral.</p>	PPS

BIL	DASAR	PERNYATAAN DASAR	TANGGUNGJAWAB
		2.4 Pelajar yang mengikuti pengajian di universiti lain boleh dipertimbangkan untuk memindahkan pendaftaran ke Universiti ini tertakluk kepada peraturan akademik yang ada.	
3	Penyeliaan	<p>3.1 Semua pensyarah sepenuh masa dan kontrak dibenarkan menyelia pelajar Sarjana dan Kedoktoral.</p> <p>3.2 Fakulti berhak menentukan bilangan calon Pasca Siswazah untuk diselia oleh pensyarah berdasarkan peraturan yang ditentukan oleh Pusat Pengajian Siswazah.</p> <p>3.3 Hanya pensyarah yang mempunyai Ijazah Kedoktoral dibenarkan menyelia calon pelajar Kedoktoral. Walaupun begitu, Pusat Pengajian Siswazah berhak menentukan kelayakan penyelia berdasarkan kriteria tertentu melalui peraturan akademik pengajian siswazah.</p>	Semua

Dasar Pembangunan & Penyemakan Kurikulum Pengajian Siswazah

BIL	DASAR	PERNYATAAN DASAR	TANGGUNGJAWAB
1		<p>1.1 Pembangunan dan penyemakan kurikulum pengajian siswazah perlu dilakukan dalam tempoh lima (5) tahun sekali.</p> <p>1.2 Penilaian dilakukan berdasarkan kepada laporan penilai luar, panel industri dan fakulti.</p>	PPS

Dasar Penaksiran Pengajian Siswazah

BIL	DASAR	PERNYATAAN DASAR	TANGGUNGJAWAB
1	Mod Penyelidikan	1.1 Penilaian akhir pelajar adalah melalui proses Viva- Voce (ujian lisan) yang dinilai oleh jemaah pemeriksa. 1.2 Penilaian prestasi pelajar dilakukan melalui penyerahan tesis program pengajian yang diikuti	PPS dan Fakulti
	Mod Kerja Kursus/ Campuran	1.3 Penilaian prestasi pelajar boleh dibuat dalam 3 pilihan: a) Secara kerja kursus & peperiksaan akhir b) Secara kerja kursus sepenuhnya c) Secara peperiksaan sepenuhnya	

BAHAGIAN E
DASAR PENGAJIAN BERTERUSAN

BIL	DASAR	PERNYATAAN DASAR	TANGGUNGJAWAB
1.	Struktur Program	<p>1.1 Dasar struktur program adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1.1.1 Struktur program pengajian berterusan pembangunan profesional lebih fleksibel mengikut keperluan pelanggan. 1.1.2 Struktur program eksekutif dibangunkan secara modular dan dilaksanakan dalam tempoh tertentu. 1.1.3 Struktur program separuh masa adalah tidak melebihi 12 jam kredit pada satu-satu semester. 1.1.4 Struktur program kerjasama (Francais) adalah sama dengan struktur program sepenuh masa. 	CENFED CENFED CENFED / Fakulti CENFED / Fakulti
2.	Kelulusan / Pengiktirafan	<p>2.1 Program Eksekutif perlu mendapatkan kelulusan Senat untuk dijalankan.</p> <p>2.2 Program Separuh Masa, kelulusan menjalankan program adalah di peringkat Senat. Pengiktirafan mengikut ketetapan seperti program sepenuh masa.</p> <p>2.3 Bagi Program Kerjasama (Francais), kelulusan menjalankan program adalah diperangkat Senat. IPTA yang dilantik perlu mendapat pengiktirafan MQA bagi setiap program yang ditawarkan.</p>	Senat Senat Senat

BIL	DASAR	PERNYATAAN DASAR	TANGGUNGJAWAB
3.	Pengijazahan & Konvokesyen	<p>3.1 Bagi Program Pembangunan Profesional, penganugerahan hanya diberikan atas nama "sijil kehadiran" atau "sijil penyertaan". Penganugerahan juga boleh diberikan oleh agensi kerajaan atau badan profesional yang mengiktiraf program berkaitan.</p> <p>3.2 Bagi Program Eksekutif, penganugerahan hanya diberikan atas nama "Diploma Eksekutif".</p> <p>3.3 Program Separuh Masa menggunakan ketetapan seperti program Sepenuh Masa.</p> <p>3.4 Program Kerjasama (Francais) menggunakan ketetapan seperti program Sepenuh Masa.</p>	